

21/11/1999

Penyokong kecewa keputusan Anwar

BEKAS Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sah tidak bertanding pada pilihan raya umum ini. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, seseorang tidak layak menjadi anggota Parlimen atau Dewan Undangan Negeri jika didapati bersalah oleh mahkamah dan dihukum penjara tidak kurang daripada setahun atau didenda tidak kurang RM2,000. Zainur Zakaria memberi alasan anak guamnya itu tidak mahu mengambil risiko kerana kemungkinan kertas pencalonannya ditolak, atau jika diterima dan menang, kemenangannya akan diisytiharkan tidak sah. Anwar katanya, membuat keputusan itu selepas mengambil kes Wee Choo Keong pada 1995. Kemenangan bekas anggota Parlimen DAP bagi kawasan Bukit Bintang dibatalkan berikutan pensabitan mahkamah kerana kesalahan menghina mahkamah.

Bagi penyokong Parti Keadilan Nasional (Keadilan), keputusan Anwar itu pastinya diterima dengan rasa tidak senang hati malah amat mengejutkan mereka. Penyokong pembangkang sangat berharap Anwar yang bersemangat tinggi untuk menentang kerajaan yang didakwa zalim, tiba-tiba enggan masuk gelanggang. Malah, Anwar sendiri pernah berkata walaupun jasadnya terbelenggu di belakang besi penjara, semangat tidak akan pernah luntur. Anwar berjanji berjuang habisan-habisan menegakkan kebenaran kerana mendakwa beliau adalah mangsa konspirasi politik.

Kita percaya penyokong Keadilan terkilau kerana pemimpin yang amat disanjung mereka, sebelum bertarung sudah mengaku kalah. Lagipun pembangkang termasuk barisan peguamnya yakin, di bawah undang-undang yang diperuntukkan, Anwar masih boleh bertanding walaupun didapati bersalah kerana proses undang-undang membabitkan rayuan masih belum diputuskan. Penyokongnya begitu kecewa dengan keputusan yang dibuat Anwar pada saat akhir menjelang hari penamaan calon. Sedangkan pemimpin parti Keadilan dalam setiap ceramah, menggembar-gemburkan beliau akan tetap bertanding bagi menegak kebenaran. Mereka mahukan proses demokrasi menentukan sama ada Anwar masih diterima rakyat atau sebaliknya.

Malangnya, Anwar sendiri menolak demokrasi dan keadilan yang diperjuangkan atas alasan tidak mahu mengambil risiko. Sebagai seorang bekas pemimpin dan pernah menjadi aktivis ketika zaman mudanya, adalah agak mengejutkan Anwar yang menjalani hukuman penjara enam tahun kerana kesalahan rasuah, takut menghadapi risiko dalam perjuangan. Sebagai seorang yang selalu menganggap dirinya pejuang dan ketua, apa juga cabaran getir seharusnya tidak mudah mematikan semangat juangnya. Anwar patut bertanding, sekurang-kurangnya menguji kepemimpinannya menerusi undi sebagai mana beliau dakwa selama ini mendapat sokongan ramai rakyat.

Setidak-tidaknya beliau patut mencuba dahulu dengan mengemukakan borang pencalonannya. Soal diterima atau ditolak mahupun merasai pencalonan itu satu perbuatan yang sia-sia, tidak harus timbul. Sekurang-kurangnya tindakan demikian dapat mengotakan segala janji, harapan dan jaminan yang selama ini dibuat oleh pemimpin Keadilan kepada mereka yang menyokong Anwar. Sekalipun Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) memutuskan untuk menolak pencalonannya, Anwar dengan barisan penguambelanya yang dianggap sangat handal, masih boleh mencabar keputusan itu menerusi proses undang-undang. Kita merasakan cara itu akan dilihat lebih bijaksana serta diterima oleh penyokong Keadilan. Lagipun, bukanlah sesuatu yang ganjil dalam proses pilihan raya di Malaysia mahkamah dan undang-undang dirujuk bagi membuat keputusan mengenai sebarang pertikaian. Selama ini pun dalam menghadapi kes rasuah dan salah laku seks, Anwar menerusi penguambela mengemukakan

pelbagai tindakan mahkamah dan laporan polis bagi menyokong setiap hujah perbicaraannya. Jelas muslihat politik Anwar. Beliau bimbang jika dibenarkan bertanding pada pilihan raya umum kali ini dan tewas, kerjaya politiknya akan berakhir. Segala dakwaan dan modal politiknya juga akan berkubur kerana rakyat sudah menolaknya. Lantas, untuk memastikan sokongan terus diterima, beliau terpaksa mengemukakan alasan walaupun tidak kukuh bagi mengabui mata penyokongnya. Begitu juga dengan ulama Pas, Datuk Dr Harun Din, yang dikatakan menjadi penyuntik kekuatan parti itu bagi menawan Perlis dengan harapan menentang Datuk Seri Shahidan Kassim bagi kerusi negeri itu selain berkeinginan menentang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi kerusi Parlimen tidak muncul-muncul untuk menyerahkan kertas pencalonannya di kedua-dua kawasan itu. Beliau dikatakan menghadapi masalah teknikal kerana menjadi penjamin seorang yang muflis dan dengan itu beliau sendiri mungkin diisytiharkan demikian. Undang-undang pilihan raya menetapkan seorang muflis tidak boleh menjadi wakil rakyat. Mengetahui masalahnya itu sejak awal lagi tidakkah boleh beliau menyelesaikannya sebelum tiba hari pencalonan?

(END)